

# Taming Mas UMSKAL jayakan perarakan Mini Citrawarna 2014

OLEH JAINUDIN DJIMIN ([jainudin@newsabahtimes.com.my](mailto:jainudin@newsabahtimes.com.my))

**KUMPULAN** Tarian Taming Mas dari Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antara-bangsa Labuan (UMSKAL) turut menjayakan acara perarakan Mini Citrawarna 2014 di Dataran Labuan, baru-baru ini.

Program anjuran Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia Cawangan Labuan itu diadakan sempena sambutan Tahun Melawat Malaysia (TMM) pada tahun ini.

Seramai 300 penari yang mewakili lapan kumpulan termasuk jurulatih dan krew dari UMSKAL menyertai program tahunan itu.

Selain Kumpulan Taming Mas, tujuh lagi kumpulan tarian ialah Kolej Matrikulasi Labuan, KDCA Labuan, Persatuan Dayak Labuan dan ASWILA (Angkatan Anak Seni Labuan).

Turut mengambil bahagian Kumpulan Antap Budaya (SMK Pantai), Labuan International School (LIS) dan Rumpun Anak Seni (SK Pekan 2).

Persembahan Taming Mas UMSKAL menampilkan tarian daripada suku kaum

Suluk yang menggabungkan 3 jenis tarian iaitu tarian Tarirai, Mengiluk dan Igil-igil yang mana tarian tersebut kebiasaannya dipersembahkan semasa majlis pesta dan keramaian seperti Regatta Lepa, majlis rasmi dan majlis perkahwinan.

Bengkel Trainer of Trainers (TOT) turut diadakan di Studio Seni dan Budaya, UMS Kampus Antarabangsa Labuan yang melibatkan 8 kumpulan yang menyertai acara Citrawarna pada 10 dan 12 September 2014.

Ianya dilaksanakan oleh Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Sabah (JKKN Sabah) dan dianjurkan oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia Labuan.

Pengarah Jabatan Muzium Malaysia Labuan, Siti Rabia Abd. Rahman merasmikan Mini Citrawarna 2014.

Turut hadir Pengarah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia Labuan, Faruzrahidzah Mohd Kassim.

Jurulatih Taming Mas, Mas Adi Alimin berharap lebih banyak program akan di-



**KUMPULAN ...** Tarian Taming Mas UMSKAL turut menjayakan perarakan Mini Citrawarna Labuan 2014 di Dataran Labuan.

adakan bagi menampilkan seni tari masyarakat Sabah, Sarawak, Labuan dan Semenanjung sesuai dengan slogan 1Malaysia.

Malah, katanya, melalui tarian juga ia dapat mempromosi kebudayaan bangsa dan kaum yang terdapat di Kepulauan Bor-

neo khususnya kepada pelancong luar negara.

"Pelajar UMSKAL juga dapat mengetahui dan mempelajari adat dan budaya serta seni tarian rakan-rakan mereka dari Sabah, Sarawak, Semenanjung dan Labuan," katanya.